

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN HAL EHWAL PENGGUNA NEGERI SABAH

1. MAKLUMAT ORGANISASI

A. VISI

Mewujudkan Sebuah Masyarakat Sejahtera yang dapat menyertai serta menyumbang kepada arus pembangunan yang berterusan.

B. MISI

Mewujudkan sebuah masyarakat penyayang, berilmu pengetahuan dan dinamik.

C. OBJEKTIF

- I. Memastikan supaya setiap individu, keluarga dan masyarakat menikmati keperluan asas seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal secukupnya.
- II. Memastikan agar setiap individu dapat menggunakan dan mempertingkatkan sumber serta kebolehan sendiri secara optimum bagi mencapai matlamat sendiri dan masyarakat pada setiap peringkat kitaran hidup.
- III. Memperkuatkan sistem sokongan sosial yang sedia wujud iaitu sistem keluarga, komuniti, kumpulan etnik dan organisasi sosial untuk membantu setiap anggota masyarakat membangun dan berfungsi secara optimum.
- IV. Mempertingkatkan kerjasama di kalangan sektor awam dengan sektor swasta serta pihak sukarela demi untuk mewujudkan satu sinergi tenaga dan sumber dalam masyarakat untuk tujuan menjamin perkhidmatan sosial yang terbaik.

D. FUNGSI UTAMA

I. Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am

Merancang, menyelaras dan memantau program serta aktiviti yang dilaksanakan melalui Jabatan Perkhidmatan Kebajikan am seperti :

- **Perkhidmatan Pembangunan Orang Kurang Upaya**
 - Pendaftaran OKU
 - Bantuan kewangan / alat tiruan
 - Insentif OKU Produktif
 - Perkhidmatan Institusi
 - Pemulihan Dalam Komuniti
 - Job Coach
 - Geran Bantuan Peralatan Lepas Pelatih

- **Pembangunan Sosial (Pembangunan Komuniti)**
 - Program Pembangunan sosial (Individu/ berkelompok/ komuniti)
 - Bantuan kewangan
 - Pembangunan kesukarelaan
 - Keganasan rumah tangga
 - Pembangunan Pasukan Sukarelawan Kebajikan (PSK)
 - Pengurusan pusat pemindahan bencana
 - Productive Welfare
 - Pemulihan Pengemis – Operasi dan Institusi
 - Perintah Khidmat Masyarakat
 - Pertubuhan Sukarelawan Kebajikan (Geran)
 - Pusat Perkembangan Kanak-kanak (PPKK)
 - MAYANG / NADI

- **Perkhidmatan Kanak-kanak**
 - Perlindungan dan pemulihan
 - Bantuan kewangan
 - Perkhidmatan institusi
 - Kaunseling
 - Pencegahan Komuniti – PAKK, JKKD
 - TASKA 1MALAYSIA
 - Pengangkatan /Anak Angkat

- **Bantuan Kewangan Kebajikan**
 1. **Bantuan Kebajikan Kerajaan Negeri**
 - Skim Bantuan Am
 - Skim Bantuan Anak Yatim
 - Tabung Rayuan dan Derma-Derma (TRDD)
 - Program Bantuan Kekurangan Zat Makanan (KZM)

2. Bantuan Kebajikan Kerajaan Persekutuan

- Bantuan Orang Tua
- Bantuan Penjagaan OKU dan Pesakit Kronik Terlantar
- Bantuan Kanak-Kanak
- Bantuan Anak Pelihara
- Elaun Pekerja Cacat

➤ Majlis Perkhidmatan Masyarakat Sabah (MPMS)

- Pemberian Grant
- Pengarah sebagai Pengerusi Pengurusan
- Ex-Officio dalam Pertubuhan Kebajikan
- Penyeliaan Pertubuhan Kebajikan Sukarelawan

II. Perpustakaan Negeri Sabah

- Menyelaras perancangan dan memantau program dan aktiviti yang dilaksanakan melalui Perpustakaan Negeri seperti:-
 - Pembangunan Perpustakaan dengan membina bangunan baru,
 - Pembangunan dan organisasi koleksi
 - Pembangunan koleksi Warisan Sabah
- Menggalakkan kerjaya kepustakawanan, kemajuan sains perpustakaan serta pemantapan pengetahuan dan kemahiran warga PNS
- Pembangunan ICT
- Perkhidmatan Pembaca:-
 - Rujukan, Maklumat dan pinjaman bahan perpustakaan
 - e-book
 - Kempen membaca
 - Pendaftaran keahlian
 - Perkhidmatan OKU
 - Perpustakaan Gunasama
 - Rangkaian Perpustakaan –
 - ibupejabat, wilayah, Cawangan, Perpustakaan Desa, Perpustakaan Bergerak dan Des@net
- Maklumbalas pengguna
- Perkongsian pintar dengan agensi lain

III. Jabatan Hal Ehwal Wanita

Bertanggungjawab dalam kemajuan dan pembangunan wanita melalui Jabatan Hal Ehwal Wanita Sabah yang komited melaksanakan lima (5) peranan utama berikut :-

A. Urusetia dan jentera pelaksana bagi Majlis Penasihat Wanita Sabah (MPWS) DAN 7 jawatankuasanya:

- *JHEWA merupakan Urus Setia dan jentera pelaksana bagi semua program yang dirancang oleh MPWS di bawah tujuh (7) jawatankuasanya iaitu Jawatankuasa Ekonomi, Jawatankuasa Undang-undang, Jawatankuasa Pendidikan, Jawatankuasa Kesaksamaan dan kepekaan gender, Jawatankuasa kesihatan, Jawatankuasa social dan Jawatankuasa Wanita & Media.*

B. Menjadi perancang dan pelaksana program pembangunan wanita:

- *Merancang, memudahcara, menyelaras memantau dan menilai pelaksanaan program-program pembangunan wanita negeri Sabah*

C. Memberi khidmat nasihat dan bimbingan kepada pelanggan:

- *Berperanan sebagai pusat khidmat setempat yang menerima aduan, memberi khidmat nasihat dan bimbingan seterusnya menyalurkan kepada agensi-agensi berkaitan.*

D. Pusat rujukan dan sumber maklumat wanita:

- *Sebagai pusat rujukan dan sumber maklumat mengenai wanita dan menjadi pusat penyebaran maklumat mengenai wanita.*

E. Menyediakan fasiliti dalam mempromosi kemajuan wanita.

- *Menyediakan platform dari sudut kemudahan kepada wanita untuk membangunkan potensi dan kapasiti dalam pelbagai bidang.*

IV. Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (PEMADAM)

- *Menyelaras, merancang dan memantau pelaksanaan kegiatan dan aktiviti pencegahan gejala najis dadah sejajar dengan dasar Kerajaan Negeri dan Negara.*

V. Bantuan Program Sosial

- *Menggubal dasar dan strategi serta mengesan pelaksanaan bantuan-bantuan di bawah Program Sosial Negeri.*

VI. Hal Ehwal Pengguna

- Merancang dan menyelaraskan secara 'smart partnership' untuk mengendalikan program-program pendidikan kepenggunaan dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO).
- Bekerjasama dengan agensi persekutuan, agensi-agensi kerajaan negeri dan persekutuan dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dalam menangani isu-isu dan masalah berkaitan kepenggunaan.

VII. Pembangunan Keluarga

- Menggubal dasar dan strategi berkaitan pembangunan keluarga dan ibu tunggal selaras dengan dasar Kerajaan Persekutuan
- Merancang, melaksana dan memantau program/aktiviti pembangunan keluarga dan ibu tunggal
- Bekerjasama dan mewujudkan rantaian dengan agensi kerajaan, sektor swasta, badan-badan keagamaan, dan NGOs dalam pembangunan keluarga dan ibu tunggal

Viii. SabahCare

Menyediakan perkhidmatan kepada rakyat Malaysia warga Sabah menerusi panggilan ke talian tol percuma 1800-22-2333 berkaitan dengan perkhidmatan teras Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna :

- Program Perkhidmatan Sosial
- Kepenggunaan
- Kekeluargaan
- Isu-isu wanita
- Perkhidmatan Kebajikan Am
- Sukarelawan
- Institusi Kebajikan
- Orang Kurang Upaya
- Kaunseling
- Penyalahgunaan Dadah
- PEMADAM

2. MAKLUMAT DASAR

a. Dasar-dasar Utama – Peringkat Negeri

i. **Dasar Perkhidmatan Kebajikan**

Memberi perkhidmatan kebajikan kepada Warganegara Malaysia yang berkeperluan dan bermastautin di Sabah.

Matlamat:

Memastikan golongan masyarakat yang tidak berkemampuan, kurang bernasib baik serta yang berkeperluan mendapat bantuan sewajarnya.

ii. **Dasar Pencegahan, Perlindungan, Pemulihan, Pembangunan dan Perintegrasi**

Memberi perkhidmatan kebajikan yang berbentuk pencegahan, perlindungan, pemulihan, pembangunan dan perintegrasi.

Matlamat:

Membantu Kumpulan Sasar yang tidak berkeupayaan agar mampu berdikari dan menikmati kehidupan yang lebih terjamin, sihat dan sejahtera.

iii. **Dasar Perkhidmatan Perpustakaan**

Memberi/menyediakan perkhidmatan perpustakaan kepada orang ramai.

Matlamat:

Melahirkan masyarakat yang bermaklumat dan berpengetahuan.

iv. **Dasar Pembangunan Wanita**

Meningkatkan penyertaan dan keterlibatan wanita dalam pembangunan negeri khususnya dan Negara amnya selaras dengan Dasar Wanita Negara.

Matlamat :-

Kesaksamaan memperoleh manfaat pembangunan melalui penyertaan dalam arus perdana pembangunan.

v. Dasar Program Sosial Negeri

Penyampaian perkhidmatan bantuan sosial dalam bentuk barangan (susu sekolah, pakaian dan kasut sekolah, serta alat tulis) kepada murid-murid sekolah.

Matlamat:

Memastikan murid-murid sekolah terutama daripada golongan berpendapatan rendah menerima bekalan bantuan susu yang berkhasiat untuk kesihatan, mempunyai pakaian seragam, kasut sekolah, serta alat tulis agar mereka mendapat peluang menerima pendidikan.

vi. Dasar Isu-Isu Kepenggunaan

Mewujudkan masyarakat pengguna yang bermaklumat mengenai isu-isu kepenggunaan.

Matlamat:

Meningkatkan pengetahuan Kepenggunaan di kalangan masyarakat dan memahami peranan mereka sebagai pengguna bermaklumat serta memberi kesedaran kepada pengguna untuk bertindak lebih bijak bagi menjaga hak-hak dan kepentingan mereka.

vii. Dasar Pembangunan Keluarga

Menggalakkan pembangunan keluarga dalam mewujudkan sebuah masyarakat penyayang dan bersatu padu.

Matlamat:

Meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat melalui kempen keluarga bahagia yang boleh menyediakan asas kepada pembentukan sebuah masyarakat sejahtera.

viii. **Dasar SabahCare (Perkhidmatan Melalui Talian)**

Menyediakan perkhidmatan kepada masyarakat Sabah melalui panggilan talian SabahCare berkaitan dengan perkhidmatan teras Kementerian.

Matlamat:

Memudahkan rakyat Malaysia warga Sabah dalam mendapatkan maklumat-maklumat yang diperlukan berhubung dengan perkhidmatan teras Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna.

b. **Dasar-Dasar Sokongan – Peringkat Jabatan / Bahagian**

i. **Jabatan Kebajikan**

Penyediaan kemudahan, perkhidmatan kebajikan, perlindungan dan khidmat nasihat bagi golongan masyarakat yang tidak berkeupayaan, kurang bernasib baik serta berkeperluan dar aspek sosio-ekonomi, fizikal kesihatan dan status kehidupan.

Matlamat:

Mewujudkan sebuah masyarakat yang mampu berdikari.

ii. **Perpustakaan Negeri Sabah**

Menyediakan perkhidmatan rujukan, maklumat dan pinjaman bahan perpustakaan buku, pusat siber ilmu, perpustakaan bas dan bot bergerak serta kemudahan pengaksesan sumber-sumber perpustakaan secara maya kepada masyarakat.

Matlamat:

Memudahkan rakyat mendapat keperluan maklumat mereka.

iii. **Jabatan Hal Ehwal Wanita**

Menyediakan kemudahan akses kepada maklumat, latihan dan khidmat nasihat serta peluang bagi mempertingkatkan penglibatan lebih ramai wanita dalam program pembangunan berpandukan kepada Pelan Induk Pembangunan 10 tahun wanita Sabah.

Membentuk golongan wanita yang berdaya saing berpengetahuan dan mempunyai ketahanan diri, berilmu dan berwawasan, mempunyai daya kreativiti dan inovasi serta berdaya tahan mengharungi cabaran semasa dan arus pemodenan serta globalisasi

Matlamat :-

Kesaksamaan memperolehi manfaat pembangunan melalui penyertaan dalam arus perdana pembangunan.

iv. Unit Program Sosial dan Hal Ehwal Pengguna

Menyelaras dan memantau pelaksanaan pengagihan dan penyampaian bantuan susu sekolah dan alat tulis (pembiayaan Kerajaan Negeri) dan pakaian seragam dan kasut sekolah (Pembiayaan Yayasan Sabah) oleh pembekal-pembekal yang dilantik, kepada murid-murid sekolah mengikut tahap aliran persekolahan yang ditentukan Kerajaan Negeri.

Mewujudkan kesedaran bagi mendidik pengguna melalui edaran poster dan risalah kepenggunaan, kempen, latihan, program/aktiviti kesedaran, pemantauan dan aduan pengguna dengan bekerjasama dengan jabatan agensi negeri dan persekutuan, NGOs dan sektor swasta.

Matlamat:

Memberi peluang kepada murid-murid sekolah untuk mendapat pendidikan, di samping memperoleh makanan seimbang serta meringankan perbelanjaan keluarga.

Memudahkan orang awam dan masyarakat pengguna mendapatkan maklumat-maklumat yang diperlukan berhubung dengan isu-isu kepenggunaan.

v. Unit Kekeluargaan

Mewujudkan kesedaran di kalangan berbagai golongan masyarakat tentang pentingnya pengukuhan institusi keluarga melalui kempen keluarga bahagia dengan kerjasama sektor awam dan swasta, NGOs, dan badan-badan keagamaan dari aspek penyediaan dan peruntukan, latihan, maklumat, serta penyelidikan dan pembangunan.

Matlamat:

Menyediakan asas yang kukuh bagi membangunkan modal insan dalam kalangan masyarakat terutama generasi baru yang penting untuk pembangunan negara.

vi. PEMADAM Negeri

Menyediakan kemudahan peruntukan, latihan, penyebaran maklumat melalui program/aktiviti kesedaran, pameran, ujian air kencing dan peluang menghadiri mesyuarat agung/persidangan kepada ahli-ahli PEMADAM dan anggota masyarakat.

Matlamat:

Mencapat matlamat Negara Bebas Dadah Menjelang 2012.